

Sinar Harian 6/1/2020 m/s 16

Sikap tamak punca ikan kelah pupus

MINGGU lepas, sahabat baik Merak Jalanan menunjukkan video pemburu ikan kelah berjaya menangkap puluhan spesies eksotik itu di sebuah empangan di Hulu Terengganu.

Rata-rata sahabat kaki pancing Merak Jalanan memang sakit hati melihat pemburu ikan berkenaan mempamerkan hasil tangkapan mereka di media sosial.

Mereka marah kerana ikan kelah atau nama saintifiknya *Tor tambroides* adalah spesies ikan yang dikategorikan sebagai haiwan terancam di Malaysia

dan dilindungi di bawah Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972 (Akta 76).

Ikan yang digelar raja sungai itu boleh mencecah harga ribuan ringgit seekor dan mendapat permintaan tinggi di pasaran namun populasinya semakin menurun.

Difahamkan, harganya yang mampu mencecah lebih RM500 sekilogram membuatkan spesies berkenaan menjadi buruan ramai pihak.

Di negara kita, spesies ikan itu sama ada dalam keadaan semula jadi atau

liar banyak terdapat di beberapa kawasan hulu sungai di Terengganu, Pahang, Perak, Negeri Sembilan serta Sabah dan Sarawak.

Mengikut sahabat-sahabat kaki pancing Merak Kayangan, bukan tidak boleh ambil atau tangkap ikan tersebut tetapi janganlah bersikap tamak.

Sepatutnya kerajaan boleh melaksanakan sistem permit dan had tangkapan seperti diamalkan di negara-negara maju.

Mereka hanya membenarkan spesies yang dilindungi ditangkap atau dipan-

cing dalam tempoh tertentu dan dihadkan kepada jumlah tertentu.

Malangnya idea yang sudah dilonarkan sejak 10 tahun lalu itu hanya dipandang sepi oleh pihak berkuasa. Mereka tidak nampak kesan yang akan berlaku pada masa depan.

Jangan sampai nasib kelah ini sama seperti spesies terakhir badak sumbu Sumatra jantan yang dinamakan Tam. Tam mati di Hutan Simpan Hidupan Liar Tabin, Lahad Datu, Sabah pada Mei lalu.